

# Kerajaan negeri kecewakan rakyat Kelantan, Sabah

SM 12 AUG 1992

**KUALA LUMPUR:** Rakyat di Kelantan dan Sabah semakin kecewa kerana kerajaan parti pembangkang di kedua-dua negeri itu tidak berusaha untuk kebaikan rakyat, sebaliknya bertindak bagi kepentingan parti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat kecewa apabila menyedari pegawai dan kakitangan yang dianggap tidak menyokong parti berkenaan akan disingkir atau diketepikan.

Katanya, perhitungan kerajaan negeri berkenaan mengenai kesan sesuatu tindakan juga tidak dilakukan dengan teliti kerana ia dilaksanakan secara tergesa-gesa.

Dr Mahathir menjelaskan, soal pelaksanaan hukum hudud adalah bukti sikap tergesa-gesa parti vebangkang yang meng-

utamakan kepentingan politik daripada kebajikan rakyat.

"Hanya apabila kesan buruk dialami barulah tindakan dibatalkan. Demikian juga dengan cadangan mereka. Sebelum pun sempat dikaji, perisytiharan dibuat dahulu untuk kepentingan politik.

"Kemudian apabila didapati reaksi tidak begitu baik, barulah percubaan dibuat untuk menjelaskan cadangan yang diumumkan tidaklah seperti sangkaan orang ramai. Pada ketika itu adalah terlalu lewat untuk meyakinkan orang ramai," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Parti Gerakan ke-21 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu menunjukkan apabila orang

yang bukan ahli dalam sesuatu bidang diberi kuasa dan tanggungjawab, mereka akan melakukan kerosakan.

Menurutnya, kedua-dua negeri yang diperintah yarti pembangkang kini mengalami kelembapan ekonomi sedangkan negara pada umumnya menikmati kemakmuran.

"Saya percaya jika pemimpin dan ahli Barisan Nasional (BN) berusaha lebih gigih memenangi hati rakyat di negeri berkenaan dan memberi penerangan betul, kita akan dapat mengubah keadaan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pemimpin dan ahli BN perlu membuktikan kepada rakyat di kedua-dua negeri itu bahawa hanya BN dayat membawa pembangunan dan kemajuan di segi kebendaan dan kerohanian.